

19 JUL 2004

Parlimen-Abdullah (Mugabe)

HADIAH KAYU KEPADA MUGABE TIDAK LANGGAR PANDUAN K'JAAN

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Pemberian kayu binaan bernilai kira-kira RM100,000 kepada Presiden Zimbabwe Robert Mugabe oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, tidak melanggar garis panduan kerajaan, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata hadiah kayu binaan itu yang digunakan oleh Mugabe untuk membina panel dinding rumah kediamannya adalah satu pemberian hadiah sebagai tanda pengiktirafan dan penghormatan oleh seorang Ketua Kerajaan atau Ketua Negara kepada seseorang Ketua Kerajaan atau Ketua Negara yang lain.

"Justeru itu, kerajaan tidak ada asas untuk mendakwa bekas Perdana Menteri Malaysia atas hadiah kayu kayan yang diberikan oleh beliau kepada Presiden Mugabe," katanya dalam jawapan bertulis terhadap soalan Teresa Kok Suh Sim (DAP-Seputeh) pada persidangan Dewan Rakyat di sini.

Teresa Kok dalam soalnya ingin tahu rasional pemberian hadiah tersebut dan tindakan kerajaan terhadap Dr Mahathir di atas pemberian tersebut.

"(Ini) merupakan satu kebiasaan dalam hubungan diplomasi antarabangsa," kata Abdullah.

"Dengan itu, pemberian kayu binaan tersebut dianggap sebagai hadiah oleh kerajaan Malaysia kepada Presiden Mugabe sebagai tanda pengiktirafan dan penghormatan kepada beliau selaku Ketua Kerajaan Zimbabwe," katanya.

Katanya, walaupun kerajaan menetapkan beberapa garis panduan yang mesti dipatuhi semasa memberikan hadiah kepada pemimpin asing, tiada kadar ditentukan untuk hadiah atau cenderamata kepada Ketua Negara dan Ketua Kerajaan.

"Hadiah atau cenderamata kepada Ketua Negara dan Ketua Kerajaan ditetapkan oleh pihak Istana atau pejabat Perdana Menteri menurut budi bicara sendiri," katanya.

Beliau berkata kelulusan daripada Jemaah Menteri juga tidak diperlukan dalam konteks ini.

-- BERNAMA
ASF HK MOZ